



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 22 MEI 2021**

| BIL. | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|-------------|--|---------------------------------------|
| 1. | PENGUSAHA TUNGGU 37,000 NELAYAN ASING, DALAM NEGERI, UM -3 | PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT) |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|-----------------|--------------|------------|
| 22/5/2021 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 3 |

Pengusaha tunggu 37,000 nelayan asing

PETALING JAYA: Pengusaha bot di seluruh negara memerlukan sekurang-kurangnya 37,000 nelayan asing bagi menyelesaikan masalah bot laut dalam yang tersadai berikutan penutupan sempadan akibat pandemik Covid-19.

Dalam tempoh wabak, pengusaha terpaksa terus menampung kos-kos tertentu termasuk caj dikenakan Jabatan Imigrasi Malaysia ke atas nelayan yang tidak boleh memasuki semula negara.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Abdul Hamid Bahari berkata, situasi tersebut menyebabkan pengusaha perikanan laut dalam terpaksa menanggung kerugian susulan tiada operasi penangkapan ikan kerana tiada pekerja.

Menurut beliau, susulan itu Malaysia kini menampung kos yang tinggi untuk mengimport bekalan ikan dari negara lain bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan.

“Pemilik bot terpaksa menanggung kos ribuan ringgit sebulan kerana tidak dapat ke laut kerana tidak mampu mengambil nelayan asing lain,”



DERETAN bot-bot nelayan yang tersadai berikutan ketiadaan awak-awak yang kebanyakannya adalah warga asing di Jeti Nelayan Kuala Kedah baru-baru ini. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

kata beliau kepada *Utusan Malaysia* semalam.

“Jadi, untuk menyelesaikan masalah bot tersadai, pengusaha memerlukan kira-kira RM100,000 untuk membawa

masuk nelayan asing ini. Kos tersebut bagi menampung caj kuarantin,” katanya.

Terdahulu, kira-kira 90 peratus daripada 2,500 bot laut dalam dilaporkan tersadai

sejak setahun lalu berpunca ketiadaan pekerja Thailand.

Masalah itu menyebabkan nelayan kerugian lebih RM1 billion sejak pandemik bermula.